



07 FEB, 2026

Selesai masalah sebelum naikan tarif elektrik: Shafie

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Selesai masalah sebelum naikan tarif elektrik: Shafie

KOTA KINABALU: Warisan mempersoalkan keputusan Kerajaan Negeri menaikkan tarif elektrik meskipun gangguan bekalan kuasa masih berlaku dan kos sara hidup tinggi.



Presidennya, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal (**gambar**), berkata kerajaan menyifatkan kenaikan itu tidak dapat dielakkan dan minimum, namun ketika perkhidmatan asas gagal berfungsi dengan baik, rakyat tidak sepatutnya diminta membayar lebih.

Beliau memberi amaran bahawa kenaikan tarif bukan sahaja mempengaruhi bil elektrik isi rumah, malah meningkatkan kos operasi perniagaan, menaikkan harga barangan dan perkhidmatan, serta melemahkan perusahaan kecil di seluruh negeri.

“Kebimbangan sebenar ialah sama ada kerajaan telah menangani punca utama masalah dalam sistem bekalan elektrik Sabah sebelum memindahkan kos kepada pengguna,” katanya dalam satu kenyataan, pada Jumaat.

Menurutnya, Sabah masih bergantung kepada Pengeluar Tenaga Bebas (IPP) dan banyak kontrak bekalan elektrik dimekai bertahun-tahun lalu. Katanya, perjanjian tersebut perlu disemak bagi memastikan negeri tidak membayar pada kadar berlebihan.

Warisan turut menggesa Kerajaan Negeri menjelaskan secara terperinci bagaimana tarif baharu dikira serta meningkatkan kecekapan dan pengurusan dalam Sabah Electricity.

“Elektrik adalah keperluan asas. Rakyat Sabah tidak seharusnya diminta memba-

yar lebih selagi masalah bekalan berterusan,” kata Shafie.

Kerajaan sebelum ini menyifatkan kenaikan tersebut sebagai tidak dapat dielakkan dan minimum, serta perlu bagi memastikan kelestarian sistem bekalan kuasa.

Warisan turut menuntut ketelusan, akauntabiliti dan semakan terhadap perjanjian IPP sebelum sebarang kenaikan tarif lanjut dilaksanakan.